

TEKS UCAPAN

**KETUA PENGARAH
LEMBAGA LEBUHRAYA MALAYSIA**

**SEMPENA
MAJLIS PERHIMPUNAN BULANAN
LEMBAGA LEBUHRAYA MALAYSIA BIL.2/2023**

21 JUN 2023

**DEWAN TAN SRI M. YUSUFF
LEMBAGA LEBUHRAYA MALAYSIA**

Yang Dihormati Ir. Mohd Hadzmir Bin Yusoff
Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan)
Lembaga Lebuhraya Malaysia

Yang Berusaha Puan Haslina Binti Hashim
Pengarah Kanan Pengurusan
Lembaga Lebuhraya Malaysia

Pengarah-Pengarah Bahagian Dan Wilayah,

Tuan-tuan dan puan-puan warga LLM yang saya kasihi sekalian.

Assalamualaikum, Salam Sejahtera dan Salam Malaysia Madani.

Pendahuluan

1. Alhamdulillah dan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Illahi kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya, kita diberi ruang dan kesempatan untuk bersama-sama berkumpul dalam Majlis Perhimpunan Bulanan Lembaga Lebuhraya Malaysia Bil. 2/2023.
2. Ini merupakan perhimpunan pertama saya bersama-sama tuan-tuan dan puan-puan sejak dilantik sebagai Ketua Pengarah LLM mulai 8 Mei 2023 yang lalu. Syukur Alhamdulillah bagi saya jawatan ini adalah satu Amanah yang amat berat yang harus saya pikul dan sebagai

pemimpin saya akan dipertanggungjawabkan di dunia dan juga di akhirat. InsyaAllah saya akan menunaikan tanggungjawab ini `without fear or favour`.

3. Saya mohon doa/ tuan/puan supaya sentiasa amanah dan dijauhi daripada sifat keji dan bahana fitnah. Jika saya tersasar mohon ditegur. Suka ditegaskan, sebagai seorang pemimpin adalah menjadi tanggungjawab saya untuk menegur sebarang kelewatan serta kepincangan dengan niat mendidik agar penyampaian perkhidmatan kita pada tahap yang terbaik.

4. Saya juga mengharapkan komitmen serta dedikasi daripada semua warga LLM tanpa mengira jawatan kerana kita mempunyai tanggungjawab tersendiri dan menjadi salah satu komponen yang penting dimana tanpanya hilanglah kesempurnaannya maka tuan-tuan dan puan-puan berbanggalah dengan peranan tuan/puan dan laksanakanlah dengan sebaik mungkin dan penuh tanggungjawab. Jangan bimbang, jika manusia tidak nampak, tuhan pasti nampak. Hindari daripada sifat kepura-puraan dan mengampu kerana kepalsuan pasti terserlah walaupun cantik dipandangan mata.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Aspirasi Baharu Seajar Dengan Malaysia MADANI

5. Sebagaimana kita sedia maklum, pada 19 Januari 2023, YAB Datuk Seri Anwar Ibrahim, Perdana Menteri telah melancarkan Malaysia MADANI sebuah kerangka visi baharu buat negara, suatu ikhtiar nirmala yang bersepadu dan holistik, bertunjangkan dasar-dasar yang berorientasikan masa depan untuk mewujudkan sebuah masyarakat yang madani, maju, terampil dan terangkum.

6. Secara amnya dasar yang berorientasikan 'people centric' yang mana dalam konteks lebuh raya bertol mementingkan kesejahteraan semua pengguna lebuh raya termasuk penunggang morotsikal. Pihak LLM mempunyai tanggungjawab kepada pemegang taruh kita yakni pengguna, kerajaan dan syarikat konsesi. Kita perlu bijaksana untuk mengimbangi kesejahteraan ketiga-tiga stakeholder ini sampat ke titik keseimbangan atau 'equilibrium'. Namun saya yakin, betulkan saya kalau salah kita telah abaikan stakeholder kita yang utama yakni pengguna lebuh raya. Kepentingan syarikat konsesi dijaga oleh mereka, kita jaga kepentingan kerajaan

7. Namun siapa yang akan jaga kepentingan pengguna? Di dalam perjanjian konsesi, kita ada `Rights dan obligations`. Hak syarikat konsesi untuk menuntut pampasan, bila tiada kenaikan tol itu kita `honour`. Tetapi bagaimana pulan obligasi syarikat konsesi memberikan perkhidmatan terbaik dan melaksanakan penyelenggaraan dan operasi lebuh raya. Ini merupakan hak pembayar tol siapa yang akan menjaga kepentingan pengguna ini.

8. Kalau bukan kita, pada hemat saya, fikiran kita sudah lama `preconditional` dengan amalan hanya melihat dan menguruskan kepentingan sebelah pihak sahaja. Maka tiada masa lebih sesuai selain daripada sekarang untuk kita melaksanakan anjakan paradigma.

9. Dengan suasana pucuk pimpinan yang baharu diperingkat KKR, YBM, KSU dan anggota Lembaga Pengarah kita adalah merupakan muka baharu dan kita juga bakal menerima Pengerusi baharu. Saya percaya setiap yang berlaku itu bukan secara kebetulan dan merupakan perancangan tuhan yang maha esa jua. Maka dengan suasana yang konduksi ini kita telah diberi peluang untuk rest sepertimana yang kita “reset h/p” kita bila kita hendak buka lembaran baru.

10. Adalah menjadi amanah kepada saya untuk memimpin, memberi halatuju serta visi yang jelas kepada tuan/puan untuk kita. Bersama-sama

mertabatkan LLM ke arah yang lebih cemerlang. Dalam kita mencapai hasrat yang murni ini jangan ada siapa jua yang kita abaikan dan hendaklah adil serta saksama terutamanya kepada rakan strategik kita yakni syarikat konsesi. Tanpa syarikat konsesi, tiadalah kita.

11. Alhamdulillah dengan perubahan ini juga bermakna akan ada kenaikan pangkat pada setiap lapisan. Kepada sesiapa yang dianugerahkan Allah rezeki maka bersyukurlah dengan melaksanakan amanah dengan penuh dedikasi dan tanggungjawab.

12. Saya akan membuat rombakan untuk menyediakan team saya berkonsepkan `to put people at the position they perform the best`. Maka apabila selesai proses ini, pada mata pengurusan tertinggi LLM, disitulah kita yakin kekuatan tuan/puan untuk bersama-sama membawa LLM ke tahap yang lebih cemerlang. Tiada lagi dalam kamus kita `mediocre thinking`

13. Di dalam "Engineering" ada yang kita panggil `moment of Inertia` Apabila kita melangkaui tahap ini masa kita sudah ada `momentum`. Bila sudah ada momentum, semuanya akan jadi sangat mudah.

14. Jika kita termasuk saya tidak dapat untuk "perform" dalam tempoh pemangkuan ini, maka jangan salahkan sesiapa jika kita tidak disahkan dalam jawatan. Percayalah kita akan kotakan janji ini disemua peringkat.

Begitu juga untuk semua perjawatan yang lain. Begitu juga untuk semua perjawatan yang lain. Kalau kita lihat tidak perform, kita akan pindahkan ketempat yang kita rasa `they will perform well`. Bukan kita sengaja nak suka-suka nak menyusahkan orang tetapi kita ingin laksanakan amanah yang diberikan.

15. Tiada apa yang harus dibimbangkan kalua kita laksanakan tanggungjawab kita dengan baik, malah duit gaji kita adalah lebih berkat.

Warga LLM yang dihormati sekalian,

Pengurusan Yang Penyayang

16. Kita akan mentadbir LLM ini berkonsepkan pengurusan yang penyayang. Kita akan InsyaAllah menjaga kebajikan semua warga LLM.

17. Saya menyeru kepada semua Pengurusan Tertinggi LLM, Pengarah-Pengarah Bahagian dan Wilayah serta Ketua-Ketua Unit agar mengamalkan kepimpinan yang dinamik, fleksibel, terbuka, peka dan

penyayang. Itu adalah Amanah untuk kita sebagai pemimpin diperingkat kita. Pada saya ertikata penyayang luas, memberi teguran kepada staf kita adalah penyayang sebagaimana kita membuat teguran kepada anak kita yang kita sayangi.

18. Pengurusan perlu prihatin dan sentiasa menjaga kesejahteraan dan perkembangan kerjaya warga kerja. Sebarang ketidakpuasan mereka diberi perhatian dan diselesaikan secara wajar. Tidak kenal maka tidak cinta.

19. Pemimpin yang berjaya dan berkesan seringkali tidak menganggap isu atau masalah yang dihadapi sebagai masalah, sebaliknya sebagai peluang baginya belajar menyelesaikan masalah itu dengan cara yang berbeza dari kebiasaan.

20. Walau bagaimanapun, sikap penyayang dan fleksibiliti Pengurusan dan Pengarah tidak boleh disalah ertikan oleh pegawai/kakitangan di bawah seliaannya dengan melaksanakan tugas yang diamanahkan sambil lewa, tiada ketelitian dan melanggar mana-mana peraturan. Pengurusan dan pengarah bahagian tidak akan bertoleransi terhadap kecuaiian sebegini.

Warga LLM yang saya kasihi,

Rewarding High Performers

21. Setiap warga kerja LLM perlu ikhlas dan memberi komitmen yang tinggi dalam melaksanakan tugas yang diamanahkan. Saya amat terkesan apabila melihat ramai di antara kita yang sangat komited yang berkerja bertungkus lumus tanpa mengira masa, memberikan sepenuhnya kepada kerja dan apabila melihat kepada satu kelompok yang lain dan menunggu giliran pangkat, maka saya tiada keadilan disini. Kita akan melaksanakan pendekatan “Rewarding High Performers. Pengurusan akan memastikan peningkatan kerja LLM akan dipertimbangkan merit dan bukan lagi semata-mata kekananan (seniority). Ini adalah bagi memberikan motivasi kepada pegawai yang *High Performance* untuk meneruskan kualiti kerja dengan lebih bertanggungjawab dan komited. Pengurusan juga akan melihat *rewards* lain yang wajar diberikan kepada *High Performance* ini. Perkara ini telah saya lontarkan di dalam mesyuarat Personel 2, dan saya juga akan bawa perkara ini sampai ke peringkat Lembaga.

22. Oleh yang demikian, saya menyeru warga kerja LLM untuk sentiasa menjalankan tugas dengan penuh ikhlas, dedikasi, jujur,

bertanggungjawab dan komited. Kita yang mencorakkan diri sendiri sama ada ke arah kebaikan atau keburukan, kekuatan atau kelemahan, kompeten atau sebaliknya.

Warga LLM yang saya kasihi

Perubahan Cara Berfikir Lebih Positif

23. Dalam mendepani kehidupan yang semakin mencabar ini, kita perlu mengubah cara berfikir dan bertindak ke arah yang lebih positif, di samping mencipta inovasi dan kreativiti. Kita perlu berusaha ke arah yang terbaik, berlapang dada untuk menerima teguran dan perubahan dari semasa ke semasa demi memberi keadilan kepada semua pihak yang terlibat dengan perkhidmatan kita.

24. Urusan kerja kita perlu difokuskan kepada proses penyelesaian masalah dengan penggunaan teknologi terkini dan mencari idea-idea baharu dalam menyampaikan perkhidmatan yang terbaik kepada pihak yang berkepentingan. Jauhkan diri daripada pemikiran di takuk lama dan saling menuding jari antara satu sama lain.

25. Jangan takut untuk mencuba perkara baharu. Seperti kata Hamka: “Jangan takut jatuh, karena yang tidak pernah memanjatlah yang tidak pernah jatuh. Jangan takut gagal, karena yang tidak pernah gagal hanyalah orang-orang yang tidak pernah melangkah. Jangan takut salah, karena dengan kesalahan yang pertama kita dapat menambah pengetahuan untuk mencari jalan yang benar pada langkah yang kedua.”
Tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati,

26. Secara amnya dasar yang berorientasikan ‘people centric’ yang mana dalam konteks lebuhraya tol mementingkan kesejahteraan semua pengguna lebuhraya termasuk penunggang motosikal. Pihak LLM mempunyai tanggungjawab kepada pemegang taruh kita yakni pengguna kerajaan untuk mengimbangi kesejahteraan ketiga-tiga stakeholder ini sampai ketitik keseimbangan atau qualibrian.

27. Namun saya yakin, betulkan saya kalau salah. Kita telah abaikan stakeholder kita yang utama yakni pengguna lebuhraya. Kepentingan syarikat konsesi dijaga oleh dijaga oleh mereka, kita juga kepentingan Kerajaan

Open Payment System dan Multi Lane Fast Flow

28. Kita juga sedia maklum, YB Menteri Kerja Raya telah mengumumkan sistem pembayaran tol secara terbuka (Open Payment System) yang dirancang pelaksanaannya di 12 lebuhraya berikut bermula September 2023:-

- i. Lebuhraya Sungai Besi (BESRAYA);
- ii. Lebuhraya Baru Pantai (NPE);
- iii. Jambatan Pulau Pinang (JPP);
- iv. Lebuhraya Butterworth - Kulim (BKE);
- v. Lebuhraya Damansara - Puchong (LDP);
- vi. Lebuhraya Skim Penyuraian Trafik Kuala Lumpur Barat (SPRINT);
- vii. Lebuhraya Shah Alam (KESAS);
- viii. Terowong SMART;
- ix. Lebuhraya Kuala Lumpur - Putrajaya (MEX); dan
- x. Lebuhraya Duta - Ulu Klang (DUKE)
- xi. Lebuhraya Bertingkat Ampang-Kuala Lumpur (AKLEH); dan
- xii. Lebuhraya Koridor Guthrie (GCE)

29. *Open Payment System* ini merupakan antara inisiatif awalan ke arah pelaksanaan sistem *Multi Lane Fast Flow* (MLFF) yang giat diusahakan ketika ini. Justeru, kita hendaklah bersedia dan memberi komitmen dengan mengambil langkah-langkah yang perlu bagi

memastikan inisiatif Kerajaan ini dapat direalisasikan sebagaimana yang dirancang demi kesejahteraan pengguna lebuhraya.

Penutup

30. Dalam kita menjalankan amanah dan tanggungjawab di LLM, adalah menjadi peranan saya untuk sentiasa mengingatkan semua warga LLM, termasuklah diri saya supaya menghayati dasar-dasar Kerajaan, mematuhi peraturan-peraturan yang telah ditetapkan serta memastikan program-program dan projek-projek yang telah dirangka dapat dilaksanakan dengan jayanya.

31. Kita selaku agensi yang bertanggungjawab mengawalselia semua lebuhraya bertol di Malaysia perlu sentiasa proaktif memastikan semua lebuhraya dalam keadaan baik, selamat dan terkawal. Teruskan iltizam menyampaikan perkhidmatan berimpak tinggi dengan cemerlang dan berintegriti sepanjang masa. Ubahlah supaya kita menguruskan syarikat konsesi dengan lebih bijaksana dan bukan menerima apa jua alasan yang diberikan. 'Respect is earn and not given'. Saya mohon TKPB/P nanti untuk lead transformasi ini, bukan untuk saya tetapi bagi kemudahan kepimpinan beliau nanti.

32. Akhir kata, saya mengajak tuan-tuan dan puan-puan semua untuk bersama-sama saya meneraju LLM yang tercinta ini ke arah pencapaian visi dan misi yang telah ditetapkan. Oleh itu, saya sudahi ucapan ini dengan wabillahitaufik walhidayah wassalam mualaikum warah matullah hiwabarakatuh.

Terima kasih.